



UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
The National University of Malaysia

**PUSAT PEMBENTUKAN PENDIDIKAN LANJUTAN & PROFESIONAL
CENTRE FOR SHAPING ADVANCED AND PROFESSIONAL EDUCATION**

Rujukan : UKM.KPD.BPA.600-6/2/2
Tarikh : 24 Oktober 2024

Semua Pelajar Berdaftar
Diploma Pendidikan Pascasiswazah
Sarjana Pendidikan
Secara Mod Cuti Sekolah
Semester 1 Sesi Akademik 2024/2025

Saudara/i,

PENGESAHAN KURSUS SEMESTER 1 SESI AKADEMIK 2024/2025

Merujuk kepada perkara di atas, adalah dimaklumkan bahawa peperiksaan akhir bagi Program Diploma Pendidikan Pascasiswazah dan Program Sarjana Pendidikan bagi Semester 1 Sesi Akademik 2024/2025 akan diadakan pada **29 Disember hingga 4 Januari 2025**.

Sehubungan itu, saudara/i dikehendaki membuat pengesahan kursus Semester 1 Sesi Akademik 2024/2025 melalui <https://smplucee.ukm.my/smpe> mulai **9 hingga 22 November 2024**. Dalam paparan di SMPE akan tersenarai kursus yang telah saudara/i daftar pada semester ini, saudara/i perlu menekan **SAH** jika semua kursus yang dipaparkan adalah betul. Semua pelajar perlu membuat pengesahan kursus ini untuk memastikan semua kursus yang saudara/i daftarkan telah tersenarai di dalam senarai pendaftaran kursus semasa.

Sekiranya saudara/i gagal membuat pengesahan atau pembetulan terhadap maklumat tersebut, maka segala butiran kursus yang dicatatkan akan dianggap betul dan lengkap. Saudara/i yang tidak membuat pengesahan dalam tempoh yang ditetapkan akan dikenakan **denda sebanyak RM50.00**.

Saudara/i dikehendaki mengambil perhatian dan tindakan sewajarnya bagi memastikan penilaian kursus yang didaftarkan pada semester ini berjalan dengan lancar.

Sekian, untuk makluman saudara/i, terima kasih.

Yang benar,

MUHAMMAD HANIQ MD YAZID
Penolong Pendaftar
Unit Peperiksaan & Pengijazahan



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 01100

Pusat Pembentukan Pendidikan Lanjutan & Profesional
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8927-2111 E-mel: upshape@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/ukmshape

ILMU, MUTU DAN BUDI

www.ukm.my